



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018 MENGENAI

- (A) DANA KUMPULAN WANG SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM)**
- (B) PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) – PROGRAM FIMI**

A. DANA KUMPULAN WANG SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM)

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1 berhubung dana daripada Kumpulan Wang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telahpun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019. Pengauditan ini telah dilaksanakan berdasarkan Arahan Menteri Kewangan melalui surat bertarikh 15 Ogos 2018 bagi penggunaan dana untuk tempoh 2016 sehingga 2018.

Rumusan audit adalah seperti berikut:

1. Pelantikan pegawai khas kepada YB Menteri/Timbangan Menteri dulu berjumlah RM1.22 juta tidak disokong dengan perincian yang jelas.
2. Perbelanjaan projek/CSR sebanyak RM12.81 juta atas Arahan Menteri dulu tidak menepati tujuan yang ditetapkan dalam Akta SKMM 1998.
3. Projek *Public Cellular Blocking System (PCBS)* di bawah kerajaan dulu memberi implikasi kewangan kepada SKMM di mana sejumlah RM215.15 juta telah digunakan bagi menjelaskan yuran perkhidmatan PCBS yang sepatutnya ditanggung oleh syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi; dan
4. Penyaluran dana daripada Kumpulan Wang SKMM kepada pihak ketiga telah dibuat tanpa perjanjian. Ketiadaan mekanisme kawalan dan pemantauan menyebabkan SKMM tidak dapat menentukan dana yang disalurkan telah digunakan mengikut peruntukan Akta.
 - a. RM309.88 juta bagi projek Membekal, Menghantar, Mengkonfigurasi, Menguji dan Mentauliah *Tablet* Berserta Aplikasi Tutor Guru dan *e-Paper*
 - b. RM25.02 juta bagi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) untuk Projek 1Malaysia Negaraku
 - c. RM30 juta bagi PDRM untuk perolehan Peralatan Teknikal *Comprehensive Advance Intelligence Platform (CAIP)*

Saya memandang serius hasil laporan audit berkaitan dengan pengurusan dana SKMM. Oleh yang demikian,

1. KKMM akan membuat laporan SPRM berkaitan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara sepertimana tersebut di atas.

2. Setelah mengambil alih pucuk kepimpinan pada Mei 2018, Kementerian telah menghentikan amalan pelantikan pegawai khas untuk YB Menteri/Timbangan Menteri dengan menggunakan dana SKMM. Semua pelantikan pegawai khas semasa adalah mengikut waran perjawatan kerajaan yang diluluskan. Oleh itu, masalah perkara di atas tidak berterusan lagi.
3. Pihak SKMM juga telah menghentikan pelaksanaan program Tanggungjawab Korporat Sosial (*Corporate Service Responsibility* atau CSR) bagi pihak Menteri dan peruntukan tersebut telah dipindahkan kepada perbelanjaan operasi SKMM.

B. PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) – PROGRAM FIMI

Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) juga mengambil maklum terhadap teguran audit berkaitan dengan pengurusan *Film in Malaysia Incentive* (FIMI) di bawah kelolaan FINAS. Tindakan administratif sedang diambil oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi memastikan masalah yang sama tidak berulang pada masa hadapan, termasuk

1. meningkatkan promosi terutamanya di peringkat tempatan selain daripada peringkat antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran terhadap FIMI; dan
2. menambahbaik struktur permohonan dan pembayaran rebat (*rebate*) untuk memudahkan urusan yang berkenaan.

GOBIND SINGH DEO

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

16 JULAI 2019